

---

Title	"Imejeri dalam puisi-puisi Chairil Anwar"
Author(s)	Mohd Taha Jamil
Source	<i>Singapore Journal of Education</i> , 2(1), 71-73
Published by	Institute of Education (Singapore)

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

## "Imejeri dalam Puisi-puisi Chairil Anwar"

Chairil Anwar, tidak syak lagi, adalah penyair Indonesia yang terkemuka. Melalui puisinya dia telah menaikkan taraf Kesusasteraan Moden Indonesia ke peringkat universal. H.B. Jassin, pengkritik Indonesia yang agung itu menggelarkan Chairil Anwar sebagai 'Pelopor Angkatan '45'.

Chairil adalah pendorong utama dan juara bagi Angkatan '45. Terdapat lebih banyak penulisan yang telah dibuat mengenai Chairil Anwar berbanding dengan pengarang-pengarang Indonesia yang lain. Hingga kini puisinya masih lagi menjadi tumpuan utama perdebatan-perdebatan yang hangat.

Kegagahannya sebagai seorang penyair menurut pandangan Prof. A. Teeuw terletak 'dengan tidak syak lagi pada satu penyatuan antara manusia dengan pujangga, satu identiti antara penulis dengan puisi.'

Chairil Anwar dilahirkan di Medan, Sumatera pada 26 Julai 1922. Beliau berasal dari keturunan Minangkabau. Pada masa mudanya dia telah disifatkan sebagai seorang muda yang bijak dan sangat gemar dengan buku. Chairil dapat menguasai bahasa Belanda, Inggeris dan juga Jerman.

Beliau telah menghabiskan masa mudanya 17/18 tahun di Medan. Chairil menuntut di sekolah Belanda bagi kanak-kanak bumiputra H.I.S. dan kelas-kelas tahun pertama dan kedua M.U.L.O. iaitu Junior High School.

Chairil berasal dari keluarga yang mewah juga kerana di dapati hanya sedikit saja bilangan orang-orang yang mampu menuntut di sekolah Belanda. Beliau terpaksa berhenti sekolah kerana ayahnya tidak mengirinkan wang. Masa persekolahannya itu digantikan pula dengan masa buatnya membaca buku-buku dari aneka jenis.

Pembacaannya yang luas telah membawanya ke satu dunia bahan-bahan pembacaan yang baru: Timur dan Barat. Di Jakarta kenalannya meliputi sebilangan besar golongan individu dari semua peringkat masyarakat. Chairil pernah tidur di bawah jambatan-jambatan di Jakarta bersama bung beca dan kupu-kupu malam dan juga dengan ahli-ahli politik yang besar seperti Hatta dan Sjahrir.

Kerja tetap tidak menarik perhatiannya dan dia telah memilih hidup 'berkeliaran'. Beliau tetap menjadi seorang non-conformist dalam penuntutannya terhadap pembebasan dari sebarang rupa penindasan dan ketidakadilan dalam masyarakat.

H.B. Jassin mempunyai suatu kumpulan yang terdiri daripada hampir kesemua sajak-sajak hasil karya Chairil Anwar di dalam bukunya yang berjudul 'Chairil Anwar Pelopor Angkatan '45'.

Kumpulan sajak-sajak Chairil yang pertama ialah: '*Deru Campur Debu*', yang kedua '*Kerikil Tajam dan Yang Terampas Dan Yang Putus*', dan '*Tiga Menguak Takdir*' (kumpulan bersama).

Cuba kita lihat kesan-kesan imejери dalam puisi-puisi Chairil Anwar. Dia membandingkan dirinya dengan seekor binatang liar yang sedang bersendirian dalam sajak yang berjudul 'Aku'.

### Aku

Kalau sampai waktuku  
kumau tak seorang pun merayu  
tidak juga kau  
tak perlu sedu sedan itu!  
Aku ini binatang jalang  
dari kumpulannya terbang  
biar peluru menembus kulitku  
aku tetap meradang – menerjang  
luka dan bisa kubawa berlari  
berlari  
hingga hilang pedih dan perih  
dan aku akan tidak peduli  
aku mahu hidup seribu tahun lagi.

Sajak ini melahirkan perasaan keseorangan yang pahit, sakit dan pedih. Meskipun begitu kita dapati Chairil menunjukkan keghairahannya yang tidak dapat diganti untuk terus hidup. Sajak ini seolah-olah menunjukkan bahawa maut akan datang dekat kepadanya dan dia pula memekik 'aku mau hidup seribu tahun lagi'.

Gambaran mengenai maut banyak terdapat dalam sajak-sajak Chairil Anwar. Dengan secara

tidak langsung sajaknya yang pertama telah diberi tajuk 'Nisan' dan sajak ini ditujukan kepada neneknya yang telah meninggal dunia.

#### Nisan

Bukan kematian benar menusuk kalbu  
keredhaanmu menerima segala tiba  
tak ku tahu setinggi itu atas debu  
dan duka maha tuan bertakhta.

Seterusnya dalam sajak-sajaknya yang lain gambaran tentang maut, kesepian dan kekakuan keadaan sekitar menimbulkan suatu macam efek ngeri keatas kita sebagai pembaca. Sila rujuk sajak-sajaknya yang berjudul 'Hampa' 'Kesabaran' dan 'Kupu Malam dan Biniku'.

Semasa ia muda Chairil Anwar memiliki kehausan yang melampau untuk memperoleh pengalaman. Padanya hidup adalah dahsyat tetapi dia mencengkaunya sebagai suatu tenaga hidup. Dengan nafas yang sama dia cuba menjahanamkan dirinya dan dia memang sedar akan hal itu. Sila rujuk sajak-sajaknya iaitu 'Kenangan' dan 'Perhitungan'.

Di dalam sajak 'Rumahku' kita akan dapati semacam perasaan takut dalam diri Chairil terhadap karya yang mungkin akan lenyap. Dia sedar akan kenyataan bahawa pada suatu hari nanti dia tidak akan mampu menulis lagi.

#### Rumahku

Rumahku dari unggun-timbun sajak  
kaca jernih dari luar segala nampak  
ku lari dari gedung ibarat malam  
aku tersesat tak dapat jalan . . . . .

Demikian juga halnya dengan sajak 'Kawanku dan Aku'. Suatu macam perasaan ketegaran dan kekakuan bergetar dalam sajak-sajak tadi. Beginilah imejeri yang ngeri dalam sajak-sajak ciptaan Chairil Anwar mengungkapkan perasaan yang cuba berundur dari dunia ini:

#### Selamat Tinggal

Aku berkaca  
bukan buat ke pesta  
ini muka penuh luka  
siapa punya?  
ku dengar seru-menderu  
dalam hatiku

apa hanya angin lalu?  
lagu lain pula  
menggelepar tengah malam buta  
ah!  
segala  
segala  
segala tak kukenal  
selamat tinggal!

Tetapi agama dan desakan untuk menemui Tuhan kadang-kala datang dalam beberapa ketika dalam hidup seseorang. Demikian juga halnya dengan Chairil Anwar. Sedang dia bergelumbang dengan segala macam kepayahan dan berusaha untuk berundur diri, dia bermenung dan bertafakur, 'Di Masjid':

#### Di Masjid

Ku seru saja dia  
sehingga datang juga  
kami pun bermuka-muka  
seterusnya ia bernyala-nyala dalam dada.

Imejeri tentang keagamaan dan ketulusan hati dapat dilihat dalam sajak 'Doa' di mana Chairil memanggil Tuhan, mengaku akan kebesaran Tuhan dan akhir sekali dia menyerah seluruh dirinya kepangkuan penciptanya.

#### Doa

Tuhanku  
dalam termangu  
aku masih menyebut namamu  
biar susah sungguh  
mengingat kau penuh seluruh  
cahayamu panas suci  
tinggal kerdip lilin di kelam sunyi  
Tuhanku  
aku mengembara di negeri asing  
Tuhanku  
di pintumu aku mengetuk  
aku tidak bisa berpaling.

Tidak lengkap pembicaraan tentang imejeri dalam puisi Chairil Anwar tanpa menyentuh sajaknya yang paling unik iaitu 'Cintaku Jauh Di Pulau'. Inilah satu-satu sajak yang representatif yang identik dengan segala sesuatu mengenai Chairil, hidupnya, cita-cita, cinta, kesenangan dan juga kepayahan dalam dirinya.

'Cintaku Jauh Di Pulau'

Cintaku jauh di pulau  
gadis manis, sekarang iseng sendiri

Perahu melancar, bulan memancar  
di leher kukalungkan oleh-oleh buat si pacar  
angin membantu, laut terang, tapi terasa  
aku tidak 'kan sampai padanya

Di air yang tenang, di angin mendayu  
di perasaan penghabisan segala melaju  
ajal bertakhta, sambil berkata:  
'Tunjukkan perahu kepangkuanku saja'.

Ambon! Jalan sudah bertahun kutempuh!  
Perahu yang bersama 'kan merapuh!  
Mengapa ajal memanggil dulu  
sebelum sempat berpeluk dengan cintaku?\*

Manisku jauh di pulau  
kalau 'ku mati, dia mati iseng sendiri.

Demikian beberapa catitan imejeri dalam sajak-sajak oleh Chairil Anwar. Dia pertama mula telah membandingkan dirinya dengan seekor binatang liar yang sedang bersendirian. Dia menjalani hidup dengan begitu payah dan menempuh kegetiran yang amat sangat sehingga segalanya di anggap menekan dan mencekik hidupnya. Kehidupan menjadi penuh kekakuan dan keras kejang. Tidak berdaya lagi dia melaluinya dan berusaha berundur dari kenyataan hidup dan kehidupan itu sendiri.

Begitu simbolik sekali sajak pertamanya iaitu 'Nisan' dan maut sering sahaja berligar dalam pengungkapan sajak-sajaknya. Sebelum ketibaan maut, imejeri tentang sesuatu yang mengerikan sering menjadi dasar sajak-sajak penyair agung ini. Juga kedapatan tentang ketakutan bahawa dia tidak mampu menulis lagi dan dia akan kehilangan karya-karyanya. Akhirnya Chairil sebagai seorang insan yang lemah menyerahkan dirinya kepada Tuhan dan merujuk kembali kepada agama. Permintaannya kepada Tuhan untuk hidup seribu tahun lagi tidak makbul.

Sekian. ¶